PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR
5 Jun 2015 (Jumaat)

Berita Harian
Azmin minta semua pihak hormati Hadi 1
SYABAS rugi RM5.3 juta babit 397 kes curi air 2
SYABAS lancar aplikasi eBIZ 3

Utusan Malaysia
Usul putus kerjasama dengan dap sekadar pandangan azmin 4
Mpk tawar diskaun kompaun lalu lintas 5

Harian Metro
Bahaya pemandu ambil selekoh mengejut 6
Bandar hantu warga asing 7
Jambatan undang maut 8
PKR akur usul muktamar DUPP 9
Sengsara 'impian' tergendala 10

Kosmo
PAS tetap mahu teruskan kerjasama politik 11
Curi air: Syabas curi RM5.3 juta 12
Gangguan bekalan air di Hulu Selangor 13

Sinar Harian
Amanat abdul hadi lebih penting 14
Lain dari lain 15
Lori buang sampah haram disita 16
PKNS nafi dakwaan halang penganut hindu ke kuil 17
MDSB sudah beri peluang 18

The Star
Ulama in total control 19
Bulk waste collection 20
Community carnival 21
It's a stiff competition 22
Assemblyman starts petition to solve traffic issue 23
Going after assesment defaulters 24
Azmin: Give Hadi a chance 25

New Straits Times
Tiada Berita -

The Sun
Azmin Confident Of Cooperation 26
No Show By Dap Despite Invitation 27

The Malay Mail
Blow to PAS liberals as Hadi and Ulama win 28
Selayang Springs faces buyer wrath 29

The Edge Financial Daily
Five joint venture townships worth RM10 bil planned for Selangor 30

The Malaysian Reserve
Abdul Hadi retains position as PAS president 31

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Azmin minta semua pihak hormati Hadi
Muka Surat	:	10

Azmin minta semua pihak hormati Hadi

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali meminta semua pihak, termasuk DAP berlaku adil kepada Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang, yang terus menyatakan komitmen mempertahankan tahaluf siyasi dalam pakatan pembangkang.

Menyifatkannya sebagai perkembangan baharu dalam pakatan pembangkang, Azmin yang juga Menteri Besar Selangor, berkata langkah Hadi menggunakan pentas muktamar untuk menyatakan pendirian berkenaan menunjukkan komitmennya selaku pimpinan tertinggi PAS.

"Beliau menggunakan ucapan dasar untuk mengajak anggota PAS mempertahankan pakatan pembangkang menerusi tahaluf siyasi.

"Ini bermakna Presiden PAS mahu seluruh kepemimpinan dan ahli parti memahami keperluan untuk meneruskan perjuangan parti melalui pakatan pembangkang.

"Perkembangan ini amat positif dan semua pimpinan pakatan pembangkang harus diberi peluang membincangkan perkara ini kerana kita akan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Wujud keperluan untuk semua pihak dalam pakatan pembangkang berbincang dan melihat bagaimana untuk meneruskan perjuangan bersama," katanya.

Ucapan dasar tentu hala tuju parti

Ditanya mengenai usul tergempar Dewan Ulama PAS yang mencadangkan Majlis Syura Ulama dan Jawatankuasa PAS Pusat membatalkan tahaluf siyasi dengan DAP, Azmin berkata, ucapan dasar Presiden harus diberi keutamaan berhubung dasar serta hala tuju parti itu.

"Kita kena hormat pandangan dan usul yang dibentangkan tetapi akhirnya ucapan dasar Presiden sebagai ketua parti akan mencorakkan masa depan parti dan pakatan pembangkang," katanya.

Mengenai senarai calon pilihan atau 'cai' yang dimuat naik di laman sosial oleh Dewan Ulama PAS, beliau berkata, tindakan itu adalah perkara biasa dalam setiap pemilihan parti.

"Semua ada 'cai' tetapi akhirnya selepas pemilihan, mesej parti akan menjadi jelas," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SYABAS rugi RM5.3 juta babit 397 kes curi air
Muka Surat	:	23

SYABAS rugi RM5.3 juta babit 397 kes curi air

Kuala Lumpur: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) kerugian lebih RM5.3 juta membabitkan 397 kes kecurian air di Lembah Klang dan Putrajaya, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Pengarah Eksekutif Projek dan Air Tanpa Hasil (NRW) SYABAS, Ausamah Darwish Mohd Daud, berkata pihaknya menerima sebanyak 4,019 aduan awam bagi tempoh itu dan hanya 397 kes diklasifikasikan sahih berjaya dibanteras.

Katanya, kes kecurian air yang direkodkan membabitkan kehilangan 2.1 juta meter padu (m3) air bagi tempoh berkenaan menerusi kegiatan domestik dan komersial.

"Serbuan pertama bagi Jun itu dijalankan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan kerugian yang dikesan sebanyak RM30,000.

Operasi serbu 16 premis

"Premis perniagaan seperti kedai dobi, bengkel kereta dan kedai makan di Kampung Batu Tambahan dikenal pasti mencuri air menggunakan kaedah sambungan paip secara pintasan dan sambungan pendek secara terus daripada paip utama SYABAS," katanya pada sidang media selepas operasi serbuan ke atas 16 premis perniagaan di Kampung Batu Muda Tambahan di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Pemantauan dan Penguatkuasaan SPAN, Shariful Azman Mustapa Yahya, berkata kes kecurian air disiasat mengikut Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Katanya, sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan penjara tidak lebih setahun atau denda tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, SPAN meminta kerjasama orang ramai melaporkan sebarang kes kecurian dalam usaha mengurangkan kes kecurian air di negeri ini.

Sebarang aduan, hubungi Bahagian Penguatkuasaaan SPAN di talian 03-83179333 atau e-mel di *aduan@span.gov.my*.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SYABAS lancar aplikasi eBIZ
Muka Surat	:	31

SYABAS lancar aplikasi eBIZ

Shah Alam: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) melancarkan aplikasi eBIZ iaitu sistem pembayaran bil air secara dalam talian bagi memudahkan pengguna.

Ketua Pegawai Operasi SYABAS, Datuk Lee Miang Koi, berkata aplikasi percuma itu diwujudkan khusus untuk pengguna korporat, industri dan komersial yang mempunyai akaun bekalan air lebih daripada 10 dan mempunyai bil air bulanan melebihi RM50,000.

Katanya, untuk mendaftar, pelanggan hanya perlu melayari www.syabas.com.my dan pembayaran akan dibuat menerusi cek, pemindahan telegrafik dan atas talian.

Mudahkan pelanggan

"Sebelum membuat pembayaran, pengguna boleh mengumpul kesemua bil air dan bayar secara pukal.

"Kita melancarkan aplikasi ini untuk membantu dan memudahkan pengguna. Mereka tidak perlu lagi datang ke pejabat SYABAS untuk membayar bil yang banyak," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Modul Terkini eBIZ, dekat sini, semalam.

Miang Koi berkata, syarikat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berpotensi memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan SYABAS, akan didaftarkan ke dalam aplikasi eBIZ.

Eksekutif Khidmat Pelanggan SYABAS, Norlelawati Samian (kanan) memberi ***penerangan cara penggunaan sistem aplikasi eBIZ*** *selepas pelancarannya di Shah Alam, semalam.* [FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Usul putus kerjasama dengan dap sekadar pandangan azmin
Muka Surat	:	11

Usul putus kerjasama dengan DAP sekadar pandangan – Azmin

KUALA SELANGOR 4 Jun - Usul Dewan Ulama Pas yang memutuskan kerjasama parti itu dengan DAP tidak boleh dijadikan asas oleh mana-mana pihak bahawa kerjasama kedua-dua parti itu terbatal.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali sebaliknya menganggap usul tersebut hanyalah sekadar pandangan yang dikemukakan oleh Dewan Ulama Pas sebagaimana usul-usul lain yang dibangkitkan oleh sayap-sayap parti dalam sekutunya.

"Kenapa nak ambil usul ulama itu sedangkan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah menegaskan menerusi ucapan dasar (sempena muktamar) bahawa Pas akan kekal dan perkukuhkan pakatan menerusi tahaluf siyasi.

"Kita (PKR) hormati setiap usul yang dibangkitkan oleh sayap-sayap dalam Pas sama ada Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat sebagai satu pandangan yang merupakan sebahagian daripada sistem demokrasi," katanya kepada pemberita selepas perasmian Muktamar Tahunan Pas Ke-61 di sini hari ini.

AZMIN ALI

Tambah Mohamad Azmin, penegasan Abdul Hadi itu perlu diberikan perhatian khusus oleh semua pihak dalam pakatan pembangkang dengan semua kepimpinan perlu memperhalusi usaha-usaha untuk memperkukuhkan kerjasama di antara Pas, PKR dan DAP.

Semalam, Dewan Ulama Pas mengusulkan kepada Majlis Syura Ulama serta Jawatankuasa Pas Pusat untuk membatalkan tahaluf siyasi atau kerjasama politik parti itu dengan DAP.

Usul yang dibangkitkan oleh Ketua Dewan Ulama Pas Pahang, Mokhtar Senik itu disokong sebulat suara oleh semua perwakilan yang menghadiri muktamar sayap Pas itu kali ke-54.

Usul tersebut dibuat susulan serangan DAP terhadap Pas dan Abdul Hadi.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mpk tawar diskaun kompaun lalu lintas
Muka Surat	:	31

MPK tawar diskaun kompaun lalu lintas

KUALA LUMPUR 4 Jun - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengadakan kempen pengurangan kompaun lalu lintas melibatkan kesalahan seperti kompaun letak kereta, kompaun halangan dan lalu lintas bermula 1 hingga 30 Jun.

Ketua Komunikasi Korporatnya, Norfiza Mahfiz berkata, tawaran khas tersebut yang ditawarkan sebelum ini mendapat sambutan menggalakkan berikutan orang ramai mengambil peluang menjelaskan kompaun-kompaun tertunggak mereka.

Jelasnya, kempen itu juga membantu pelanggan yang tidak berkesempatan untuk menjelaskan kompaun terdahulu supaya berbuat demikian mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

"Orang ramai digesa mengambil peluang ini untuk menjelaskan kompaun-kompaun mereka sebelum tempoh tawaran tamat pada 30 Jun.

"Semakan boleh dibuat di Kaunter Dewan Hamzah MPK, Pejabat Cawangan Tengku Kelana dan kaunter van bergerak, manakala bayaran boleh dibuat di semua kaunter-kaunter bayaran MPK.

"Selain itu, semakan dan bayaran juga boleh dilakukan pada hari Sabtu dan Ahad di kaunter-kaunter pasar raya terpilih antaranya di AEON Jusco Bukit Tinggi, AEON Jusco Bukit Raja, Giant Hypermarket Bukit Tinggi dan AEON BIG di Jalan Kapar," katanya dalam satu kenyataan di sini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bahaya pemandu ambil selekoh mengejut
Muka Surat	:	8

KEADAAN papan tanda yang tertutup dengan dahan pokok mengakibatkan pengguna jalan raya keliru di sekitar Seksyen 10 Shah Alam.

Bahaya pemandu ambil selekoh mengejut

«DARI MUKA 1

"Bayangkan risiko kepada pengguna jalan raya apabila terpaksa memperlahankan kenderaan ketika melalui kawasan ini akibat papan tanda rosak berikutan tercari-cari arah yang perlu mereka ikuti," katanya.

Menurutnya, papan tanda jalan yang seharusnya memudahkan pengguna tidak dapat dimanfaatkan berikutan terlindung di sebalik dahan atau ranting pokok besar.

"Masalah ini perlu diatasi segera dan saya berharap pihak bertanggungjawab memotong dahan dan daun pokok yang merimbun hingga menutupi papan tanda berkenaan demi keselesaan pengguna jalan raya yang melalui kawasan ini," katanya.

Seorang lagi pengguna, Rosyawati Mohamad,40, berkata, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) diharap dapat menyelesaikan masalah ini dengan kerap memotong dahan dan membuang daun pokok yang semakin banyak menutupi papan tanda itu.

Katanya, kerjasama pelbagai pihak amat diharap bagi menyelesaikan masalah itu supaya diselesaikan segera.

"Saya berpendapat pokok itu wajar dikekalkan, tetapi perlu dijaga dengan kemas supaya tidak mengundang masalah lain kepada pengguna jalan raya.

"Memang tidak salah untuk menghijaukan bumi, tetapi jangan pula hanya kerana lansdkap, ia mengehadkan penglihatan pemandu jalan raya terhadap papan tanda dan menjadi punca kemalangan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti MBSA Shahrin Ahmad berkata, pihaknya melalui Jabatan Taman dan Rekreasi akan mengambil tindakan segera untuk melakukan kerja pemotongan dahan pokok yang menghalang papan tanda di sekitar daerah ini.

"Kerja pemotongan dijalankan secara berjadual bagi memastikan dahan pokok tidak melindungi pandangan pada papan tanda, sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bandar hantu warga asing
Muka Surat	:	15

SAMPAH yang tidak diselenggara.

'Bandar hantu' warga asing

Pelabuhan Klang: Bagaikan bandar hantu, itu gambaran sepanjang laluan di Bandar Armada Putra, Pulau Indah, di sini, yang dikelilingi bangunan rumah kedai terbiar berikutan tidak mendapat kelulusan menduduki sejak dibina pada 2000.

Tinjauan di sekitar bandar itu mendapati banyak bangunan terbiar dengan longgokan sampah-sarap tidak diselenggara sehingga menimbulkan bau busuk.

Begitupun, ada warga asing didapati berniaga di bangunan berkenaan.

Keadaan terbabit bertambah buruk dengan semak yang semakin panjang dan kotor, ditambah dengan paip pecah hingga mengakibatkan air mengalir keluar.

Selain itu, kehadiran anjing liar turut membimbangkan terutama dikalangan penduduk kawasan berhampiran.

Penduduk, Muhammad Hazwan Mokhtar, 22, yang baru setahun mendiami kawasan itu berkata, kawasan itu sangat sunyi terutama pada waktu malam.

"Kawasan ini membimbangkan dan sepanjang saya tinggal di sini, tiada perubahan dilakukan," katanya.

Penduduk lain, Abdul Halim Mohd, 42, berkata, bandar itu ibarat bandar persinggahan kerana penduduk di situ kebanyakannya bekerja di syarikat perkapalan dan hanya mendiami kawasan berkenaan dalam tempoh singkat sebelum berpindah ke tempat lain.

ABDUL Halim

Dia yang sudah lima tahun mendiami kawasan itu berkata, berdasarkan pemerhatiannya, hanya 20 peratus penduduk di situ terdiri daripada warga Malaysia dan selebihnya warga asing.

"Sehubungan itu, saya berharap pihak berkuasa sentiasa memantau keadaan di sini kerana saya bimbangkan keselamatan penduduk," katanya.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Klang Norfiza Mahfiz berkata, pihaknya tiada kuasa untuk menyelesaikan masalah bangunan terbengkalai berkenaan kerana ia tanggungjawab pemaju.

"Bagaimanapun, MPK hanya bertanggungjawab melakukan kerja pembersihan terhadap longgokan sampah dibuang pihak tidak bertanggungjawab serta membersihkan lalang bagi mengelak bangunan menjadi habitat haiwan berbisa.

"Pemaju asal projek itu mengalami kerugian dan urusan pindah milik kepada pemaju baru kini masih dalam penyelesaian di peringkat mahkamah," katanya.

KEADAAAN kawasan rumah kedai yang terbiar.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jambatan undang maut
Muka Surat	:	16

Jambatan undang maut

Penduduk mahu laluan alternatif dibaiki segera

FOTO: MOHD SHUKOR AMIN

Oleh Mohd Shukor Amin
hmetroshahalam@hmetro.commy
Sabak Bernam

Lebih 100 penduduk yang menggunakan Jambatan Sungai Lang, di sini, terpaksa bergadai nyawa setiap kali melintasi jambatan uzur sebagai jalan alternatif untuk ke kawasan berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Ahmad Ikhsan berkata, jambatan diselia Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu tidak dibaik pulih sejak lebih lima tahun lalu.

Menurutnya, keadaan jambatan yang uzur turut menyebabkan seorang penduduk dari Kampung Sungai Tengar Utara maut selepas motosikal ditunggangnya terjatuh ke dalam parit berkenaan, bulan lalu.

"Walaupun ada berlaku kes kematian, pihak berkenaan seolah-olah tidak mengendahkan keperluan membina semula jambatan ini dengan struktur lebih kukuh agar tidak mengundang ancaman keselamatan kepada penduduk setempat," katanya.

Ahmad berkata, jalan itu sering digunakan penunggang motosikal untuk memancing selain sebagai jalan pintas ke Institut Perakuanan Negara (IPN) dan Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).

Katanya, jalan itu juga digunakan petani membawa tanaman pertanian untuk ke kebun serta ladang berhampiran dan keadaan itu sudah tentu menimbulkan kesulitan setiap kali mereka berulang-alik ke kawasan berkenaan.

"Kami bimbang jika keadaan ini tidak diatasi segera akan menyebabkan lebih banyak lagi nyawa terkorban. Janganlah tunggu ada yang terkorban baru tindakan diambil," katanya.

Beliau berkata, jambatan sepanjang dan selebar tiga meter itu dipercayai rosak selepas jambatan konkrit sedia ada di kawasan itu runtuh sebelum digantikan dengan jambatan kayu sementara bagi melintasi parit berkenaan.

Bagaimanapun katanya, jambatan kayu itu semakin usang dan mula mereput sehingga menggusarkan penduduk yang menggunakannya.

"JPS perlu ambil langkah proaktif memastikan jambatan sedia ada itu dibaik pulih. Jalan ini dianggap sebagai alternatif, tetapi penunggang motosikal lebih selesa menggunakan jalan ini untuk menjalankan urusan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Air Tawar Kamarol Zaki Abdul Malik berkata, JPS seharusnya turun padang melihat sendiri aduan ini bagi memastikan keselamatan penduduk tidak dipertaruhkan dengan menggunakan jalan berkenaan.

"Peruntukan segera amat diperlukan bagi memastikan jambatan ini dibina dengan lebih kukuh agar tidak mengundang bahaya kepada sesiapa yang melaluinya," katanya.

FAKTA
Jambatan uzur sepanjang dan selebar tiga meter

KAMAROL Zaki (kanan) bersama Ahmad (kiri) meninjau keadaan jambatan uzur.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	PKR akur usul muktamar DUPP
Muka Surat	:	36

PKR akur usul muktamar DUPP

Kuala Selangor: Parti Keadilan Rakyat (PKR) menghormati usul Muktamar Dewan Ulama PAS Pusat (DUPP) yang meluluskan usul tergempar memutuskan kerjasama dengan DAP.

Timbalan Presidennya Mohamed Azmin Ali berkata, perkara itu adalah normal untuk setiap dewan di dalam PAS mengusul dan meluluskan apa-apa isu.

Beliau berkata, ia juga adalah hak ahli parti itu menyatakan pandangan mereka berdasarkan prinsip demokrasi yang diamalkan dalam Pakatan Rakyat (PR).

"Kita hormati semua Dewan (Ulama, Pemuda dan Muslimat) dalam PAS untuk bentang dan luluskan usul.

"Namun semua pihak kena berlaku adil dan menjadi hak anggota PAS beri pandangan mereka," katanya ketika diminta mengulas mengenai usul tergempar Muktamar DUPP yang diluluskan untuk membatalkan 'tahaluf siyasi' atau kerjasama politik dengan DAP kelmarin.

AZMIN

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas perasmian Muktamar Tahunan PAS ke-61 di Stadium Tertutup Kuala Selangor, di sini, semalam.

Wakil Dewan Ulama PAS Pahang Mokhtar Senik yang membawa usul itu menjelaskan hanya kerjasama politik dibatalkan dengan DAP, namun parti itu masih kekal sebagai rakan dalam PR.

Usul berkenaan berikutan serangan DAP terhadap Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan parti itu yang mempersoalkan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Kelantan.

Tohmahan dan kritikan berterusan dianggap melanggar prinsip tahaluf siyasi yang dipersetujui sebelum ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 4 June 2015		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sengsara 'impian' tergendala
Muka Surat	:	44

FOTO: FAIZ ANUAR

SEBAHAGIAN pembeli rumah kos rendah Pangsapuri Bukit Rimau Fasa 4, Shah Alam yang terbengkalai.

Sengsara 'impian' tergendala

Pembeli disenarai hitam kerana pemaju gagal siapkan rumah

Oleh Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Shah Alam

SYAMSHUL Irwan

"Saya sengsara apabila disenarai hitamkan pihak bank akibat gagal membayar pinjaman rumah yang sudah 15 tahun terbengkalai," kata Syamshul Irwan Zakaria, 37, pembeli rumah kos rendah Pangsapuri Bukit Rimau Indah Fasa 4 di sini.

Menurutnya, dia membuat keputusan tidak membayar pinjaman rumah dibelinya pada tahun 2000 berjumlah RM42,000 selepas kediaman itu gagal disiapkan pemaju.

Katanya, dia pernah mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM12,000 membayar pinjaman itu.

"Namun, janji hanya tinggal janji apabila pemaju gagal menyiapkan pembinaan kediaman itu. Justeru saya menghentikan bayaran pinjaman sejak empat tahun lalu mengakibatkan nama saya disenarai hitamkan.

"Untuk apa bayar rumah yang belum nampak hasilnya? Ramai pembeli lain turut disenarai hitam, malah ada juga diisytihar muflis hanya kerana tidak membayar rumah yang belum wujud," katanya ketika ditemui di Pangsapuri Bukit Rimau Indah di sini, semalam.

Syamsul Irwan berkata, impian untuk memiliki rumah pertamanya itu kembali cerah apabila kerajaan bersetuju untuk membantu.

Pembeli lain, K Annakhil, 31, berkata, dia bingung memikirkan nasib apabila nama suaminya disenarai hitam akibat gagal membayar pinjaman rumah berkenaan.

"Kami memberi komitmen 11 tahun membayar ansuran pinjaman rumah yang belum nampak hasilnya," katanya.

Sementara itu, wakil pembeli Zairi Moh, 38, berkata, pihaknya kini giat mencari 600 pembeli pangsapuri itu dan meminta mereka tampil ke pejabat Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya.

"Pembeli diminta mengemas kini maklumat peribadi bagi memudahkan proses meneruskan pembinaan dengan membawa Perjanjian Jual Beli dan jika hilang mereka boleh minta salinan di bank yang memberi pinjaman.

"Untuk keterangan lanjut, pembeli boleh menghubungi wakil likuidasi Siti Amirah Marzuki di talian 03-22971165 atau kepada saya di talian 017-3617792," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	PAS tetap mahu teruskan kerjasama politik
Muka Surat	:	6

Pas tetap mahu teruskan kerjasama politik

KUALA SELANGOR – Pas yang berdepan dengan tekanan daripada kelompok ulama agar memutuskan hubungan dengan sekutunya DAP membuat penegasan untuk terus melaksanakan kerjasama politik atau tahaluf siyasi bersama Pakatan Rakyat walaupun parti itu diserang siang dan malam oleh rakan sekutunya itu.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (**gambar**) berkata, walaupun parti lain dalam pakatan memperjuangkan ideologi sekular yang bercanggah dengan perjuangan Pas, parti itu akan meneruskan kerjasama selagi ia tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.

"Pas melaksanakan tahaluf siyasi bersama Pakatan Rakyat adalah dalam perkara yang dipersetujui bersama. agenda ini kita rangkakan sebagai panduan.

"Perjuangan yang menjadi agenda yang berbeza yang sudah tentunya tiada dalam polisi bersama, ia menjadi perjuangan parti masing-masing," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden dan merasmikan Muktamar Tahunan Pas ke-61 di Stadium Tertutup Kuala Selangor di sini semalam.

Kelmarin Muktamar Dewan Ulama Pas meluluskan usul tergempar agar parti itu menamatkan kerjasama dengan DAP yang merupakan sekutu parti itu dalam Pakatan Rakyat. Bagaimanapun usul tersebut mahu Pas kekal dalam Pakatan Rakyat.

Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang berkata, Pas tidak pernah meminta sekutunya mengkaji dan membawa dasar sekular yang menjadi pegangan mereka dalam perbincangan.

"Pas juga tidak pernah mencampuri urusan kepimpinan dalam parti lain yang berada dalam Pakatan Rakyat," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Abdul Hadi berkata, usul tergempar yang diluluskan dalam Muktamat Dewan Ulama Pas kelmarin belum diputuskan di peringkat Majlis Syura Ulama dan Jawatankuasa Pas Pusat.

"Siapapun boleh bawa usul. Ini menunjukkan demokrasi dalam Pas," katanya.

Sementara itu, majlis perasmian muktamar itu tidak dihadiri wakil DAP manakala satu lagi sekutu Pakatan Rakyat, Parti Keadilan Rakyat (PKR) diwakili Timbalan Presidennya, Azmin Ali.

Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat sesi 2015-2017

NAMA	UNDI
1. Datuk Abdullah Hussin	679
2. Dr. Ali Akbar Gulasan	596
3. Datuk Dr. Fadhli Hasan	722
4. Datuk Dr. Khairuddin Aman Razali	736
5. Mazlan Aliman	593
6. Mohd. Noor Mohamad	566
7. Dr. Mohd. Zuhdi Marzuki	670
8. Mokhtar Senik	656
9. Muhamad Sanusi Md. Nor	556
10. Datuk Nasruddin Daud	777
11. Nasruddin Hassan Tantawi	782
12. Nor Azli Musa	544
13. Razman Zakaria	674
14. Dr. Ridhuan Mohd. Noor	782
15. Dr. Rosni Adam	590
16. Sallehen Mukhyi	763
17. Nik Zawawi Salleh	749
18. Zaharudin Muhammad	611

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Curi air: Syabas curi RM5.3 juta
Muka Surat	:	14

Sambungan paip haram dikesan berleluasa di sekitar Lembah Klang

Curi air: Syabas rugi RM5.3 juta

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR – Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) menanggung kerugian sebanyak RM5.3 juta akibat kegiatan mencuri air dengan melakukan sambungan secara haram di sekitar ibu negara, Selangor dan Putrajaya sejak awal tahun hingga 31 Mei lalu.

Pengarah Eksekutif Projek dan Bahagian Kehilangan Air Tanpa Hasil Syabas, Ausamah Darwish Mohd. Daud berkata, jumlah kerugian tersebut melibatkan lebih 2.156 juta meter padu kehilangan air tanpa hasil.

"Sepanjang tempoh tersebut, Syabas menerima sebanyak 4,019 aduan berhubung kes curi air. Daripada jumlah itu, 2,328 aduan telah disiasat," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan serbuan mengejut di kawasan premis perniagaan di Projek Perumahan Rakyat Batu Muda di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Pemantauan dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Shariful Azman Mustapa Yahya.

Mengulas mengenai serbuan tersebut, Ausamah Darwish berkata, pihaknya telah melakukan siasatan ke atas 74 buah premis terdiri daripada kedai runcit, restoran makanan, dobi, bengkel kereta dan stor penyimpanan peralatan khemah serta barangan terpakai.

"Sebanyak 16 premis dikesan melakukan penyambungan bekalan air secara haram dan Syabas kerugian hampir RM30,000 apabila 824.25 meter padu air dicuri.

"Berdasarkan siasatan awal, kami dapati kegiatan ini telah berlarutan hampir setahun," ujarnya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kes kecurian air boleh melaporkan kepada Pusat Perkhidmatan Pelanggan Syabas (Puspel) melalui talian bebas tol **1-800-88-5252** yang beroperasi selama 24 jam.

PIHAK SPAN dan Syabas menemui paip yang disambung secara haram ketika operasi di Projek Perumahan Rakyat Batu Muda, Kuala Lumpur semalam.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 4 June 2015		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air di Hulu Selangor
Muka Surat	:	19

Gangguan bekalan air di Hulu Selangor

KUALA LUMPUR – Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) memaklumkan sebanyak 65,445 akaun di Hulu Selangor mengalami gangguan bekalan air dan tekanan air rendah berikutan masalah teknikal pada saluran utama bagi penyaluran bekalan air terawat daripada loji rawatan air (LRA) Rasa.

Syabas menerusi satu kenyataan berkata, sebanyak 46 kawasan telah dikenalpasti terlibat dengan gangguan bekalan air tidak berjadual itu.

"Walaupun masalah teknikal telah diselesaikan pada jam 9 pagi semalam namun pengguna yang tinggal kawasan tinggi dan di penghujung sistem agihan akan mendapat bekalan air agak lewat," katanya.

Bagaimanapun, Syabas menganggarkan gangguan bekalan air ini akan pulih sepenuhnya pada pukul 4 petang hari ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Amanat abdul hadi lebih penting
Muka Surat	:	4

Amanat Abdul Hadi lebih penting

KUALA SELANGOR - Amanat Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mahu tahaluf siyasi PR diperkukuhkan pada ucapan dasarnya, lebih penting daripada usul yang diputuskan secara bersama oleh Dewan Ulama, kelmarin, kata Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali.

Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau menghormati usul yang dibuat oleh manamana Dewan pada Muktamar Pas kali ini, namun tegasnya ucapan dasar presiden itu perlu diberi keutamaan oleh ahli Pas.

"Itu usul satu Dewan dalam Pas, kita ada tiga Dewan dalam Pas, mengapa usul yang diputuskan Dewan Ulama yang perlu ditekankan, mengapa tidak ucapan dasar Presiden Pas," soalnya mengulas mengenai usul untuk memutuskan kerjasama politik dengan DAP, yang diputuskan sebulat suara oleh Dewan Ulama Pas, kelmarin.

Mohamed Azmin ditemui media selepas Muktamar Tahunan Pas ke-61, semalam.

"Dalam sesebuah parti, kita kena hormat pandangan dan usul yang telah dibentangkan tetapi akhirnya ucapan dasar presiden itu sebagai ketua parti yang akan mencorakkan masa depan dan hala tuju parti. Ini harus dilihat secara positif dan bertanggungjawab oleh semua pihak," katanya ketika ditemui selepas selesai ucapan dasar Presiden Pas pada Mukamar Tahunan Pas ke-61, di Stadium Kuala Selangor, semalam.

Beliau berkata, semua pihak perlu berlaku adil kepada apa yang ditegaskan oleh Abdul Hadi, selaku presiden yang mengajak seluruh ahli Pas supaya perkukuhkan PR melalui prinsip tahaluf siyasi.

"Ini satu penegasan yang diulang berulang kali oleh Abdul Hadi. Ini menunjukkan komitmen beliau selaku Presiden Pas supaya seluruh kepimpinan dan anggota Pas memahami keperluan meneruskan tahaluf siyasi.

Menurut Mohamed Azmin, ucapan dasar Abdul Hadi itu satu perkembangan yang cukup baik dan positif dengan memberi peluang kepada pimpinan tertinggi PR, meneruskan perjuangan dalam PR untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU14) akan datang.

SHAH ALAM	5:40	7:03	1:14	4:40	7:23	8:38
SEREMBAN	5:40	7:03	1:13	4:38	7:20	8:34
BANDAR MELAKA	5:40	7:02	1:12	4:37	7:19	8:33
JOHOR BAHRU	5:35	6:57	1:06	4:31	7:11	8:26

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Lain dari lain
Muka Surat	:	28

Lain dari lain

Borak-Borak Teater Malaysia dapat sambutan

Baru-baru ini Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan program Borak-Borak Teater Malaysia bertempat di Laman Seni 2, Seksyen 2, Shah Alam.

Program santai ini bertujuan menjadikan lorong kecil belakang bangunan kedai dijadikan ruang diskusi kreatif untuk menyegarkan minda dan paradigma.

Program yang bermula jam 8.30 malam itu mengetengahkan isu Teater Malaysia dari sudut pandang anak muda dan menampilkan penulis novel, Fazleena Hishamuddin Naque Arifin dan Khairunazwan Rodzy sebagai panel, manakala Fahmee PR dan Shazlan sebagai moderator.

"Teater di Malaysia merupakan seni persembahan yang mula mendapat tempat dan perhatian dalam kalangan belia negara.

"Malah banyak pengkarya seni telah menjadikan teater sebagai bidang kerjaya profesional dan tidak kurang juga yang telah meninggalkannya kerana berbagai-bagai faktor.

"Kebanyakan penggiat teater meninggalkan bidang ini atas faktor ekonomi, tanggungjawab, kesukaran pemasaran dan apresiasi seni khalayak Malaysia," kata Fazleena dalam ulasannya.

Selain itu, diskusi turut membicarakan tentang cabaran yang perlu dihadapi penggiat teater baharu dalam menghasilkan naskhah mereka.

Pegawai Kebudayaan dan Pelancongan MBSA, Zulfahmee Ismail berkata, program Borak-Borak telah memasuki siri ke-8 dan berjaya mengupas pelbagai topik seperti Projection Mapping & 3D Visual; Muzik & Filem Culture oleh produksi filem *Terbaik Dari Langit*; pertunjukan fesyen oleh Hatta Dolmat; Seni dalam Konteks Islam; YouTube Sebagai Media Seni oleh The Weekend Session, Kyopropaganda, Lunaktics; Seni, Hobi atau Kerjaya oleh Amylea Azizan dan Awi Rafael.

Manakala siri ke-7 pula mengangkat isu 'The Journal - Photography, Sketch, Travel yang menampilkan Qaisy Jaslenda dan Muhd Hidayatullah.

"Laman Seni 2 dan Laman Seni 7 merupakan satu usaha transformasi lorong belakang yang dilaksanakan pihak MBSA dalam menjadikan kawasan lorong belakang boleh digunakan bagi kegiatan kreatif masyarakat.

"Laman Seni 7 telah pun mendapat pengiktirafan antarabangsa iaitu Green Apple Awards 2014.

"MBSA juga aktif dalam menyemarakkan aktiviti seni dan budaya di Shah Alam. Ia selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor menjadikan Shah Alam sebagai Kota Seni. Antara objektif program juga ialah menjadikan seni dan budaya sebagai medium perpaduan dan memberi peluang orang ramai untuk menunjukkan bakat dan berkreativiti," katanya.

Orang ramai turut dihiburkan dengan persembahan akustik oleh Fazleena dan The Lasykar.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Lori buang sampah haram disita
Muka Surat	:	41

Lori buang sampah haram disita

KLANG - Sebuah lori disita ketika membuang sampah dalam satu operasi khas membanteras pembuangan sampah haram di beberapa lokasi sekitar Klang oleh Jabatan Penguat kuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK), baru-baru ini.

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, lori satu tan yang dinaiki tiga lelaki itu disyaki sedang membuang sampah dari kilang di Jalan Air Mata Duyong, Telok Gong sekitar jam 11.10 pagi.

Menurutnya, sampah dari kilang dipercayai dari premis berhampiran dan ketika operasi dilakukan ketiga-tiga lelaki itu sedang leka membuang sampah berkenaan ke kawasan berhampiran.

"Lori satu tan itu disita atas kesalahan Undang-Undang Kecil 4 Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPK) 2007 kerana membuang sampah di tempat yang tidak ditetapkan oleh pihak Majlis.

"MPK mengambil perhatian serius dan pendekatan proaktif serta tegas bagi menangani masalah pembuangan sampah haram terutama di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti dan akan terus membuat pemantauan secara agresif kelak," katanya.

Lori satu tan yang dinaiki tiga lelaki disyaki sedang membuang sampah haram di Jalan Air Mata Duyong,Telok Gong.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 June 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PKNS nafi dakwaan halang penganut hindu ke kuil
Muka Surat	:	41

